

PENGURUSAN MASJID KE ARAH
PENUPUKAN AKHLAK

SALMAH BT. ABOL

114758



114758

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

1996

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengurusan masjid ke arah pemupukan akhlak di sekitar bandar Taiping, Perak. Ianya ditinjau dari segi faktor demografi dan pengurusan masjid iaitu pengurusan khutbah Jumaat, ceramah agama, kelas fardhu ‘ain dan kelas pengajian al-Qur'an dan hubungannya dalam usaha memupuk akhlak masyarakat. Seramai 60 orang Jawatankuasa daripada 4 buah masjid dan sebuah surau terlibat dalam kajian ini. Kesemua soal selidik yang diedarkan berjaya dikumpulkan semula dengan sepenuhnya. Soal selidik yang dibina mengandungi 40 item; 7 item pengurusan khutbah Jumaat, 7 item pengurusan ceramah agama, 7 item pengurusan kelas fardhu ‘ain, 7 item pengurusan kelas pengajian al-Qur'an dan 12 item pemupukan akhlak. Kaedah Statistik yang digunakan untuk menganalisis data ialah statistik deskriptif seperti peratus, min, median, skor julat dan sisihan piaawai bagi menganalisis taburan skor pembolehubah-pembolehubah kajian. Bagi menguji hipotesis, Khi Kuasadua digunakan untuk menguji pengaruh di antara faktor demografi dengan pengurusan masjid, Ujian-t untuk melihat perbezaan Ujian Korelasi Pearson untuk melihat sama ada wujud hubungan di antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar, dan Regresi Linear digunakan untuk menentukan hubungan linear yang paling kuat di antara pembolehubah bebas ke atas pembolehubah bersandar iaitu pemupukan akhlak. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pengurusan masjid dengan pemupukan akhlak. Keputusan Ujian Khi Kuasadua menunjukkan faktor demografi iaitu umur mempengaruhi pengurusan masjid. Sebaliknya tempoh perkhidmatan tidak mempengaruhi pengurusan masjid. Seterusnya Ujian-t mendapati tidak ada perbezaan pandangan terhadap pengurusan masjid terhadap perlantikan Jawatankuasa Masjid sama ada dipersetujui atau tidak. Ujian korelasi menunjukkan semua pembolehubah bebas mempunyai hubungan yang amat signifikan dengan pemupukan akhlak. Manakala Ujian Regresi Linear menunjukkan hubungan linear yang paling kuat terhadap pemupukan akhlak ialah pengurusan kelas pengajian al-Qur'an. Hasil kajian ini diharap dapat memberi maklumat tambahan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perak khususnya dan masyarakat Islam amnya untuk merancang dan menyusun program pengurusan masjid dengan lebih terancang dan berkesan demi pembangunan ummah sejagat.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Persepsi sebilangan umat Islam di negara ini terhadap institusi masjid agak terbatas. Mereka beranggapan fungsi masjid hanyalah sebagai tempat ibadat semata-mata. Semua urusan ibadat perlu disempurnakan di masjid sedangkan perancangan dan kegiatan hidup yang lain difikirkan tidak wajar diselesaikan di tempat ini. Kecenderungan pemikiran sedemikian mempunyai implikasi bukan sahaja terhadap masjid sebagai satu institusi unggul dalam Islam, malah ianya juga menentukan maju mundurnya ummah di masa hadapan.

Jika ditinjau sejarah penghijrahan Rasulullah s.a.w ke Kota Madinah, baginda telah membina Masjid Quba' yang terkenal dengan nama "Masjid Nabawi", menjadi masjid pertama pada zaman awal perkembangan Agama Islam. Ketika Rasulullah s.a.w hanya beberapa hari berada di Quba', dalam perjalanan baginda ke Madinah, baginda telah berusaha membina masjid. Sekiranya masjid itu dibina semata-mata untuk dijadikan tempat sembahyang maka sudah tentu ia tidak memerlukan pembinaan yang segera,

tetapi oleh kerana Rasulullah s.a.w melihat masjid memberikan pengertian yang amat besar, maka Rasulullah s.a.w memberi keutamaan kepadanya.

Masjid adalah lambang syiar Islam dan kedaulatannya. Ia merupakan pusat yang menghubungkan di antara hamba dengan Penciptanya. Pembinaannya menunjukkan masjid mempunyai peranan yang besar dan agung bagi umat Islam dan sebagai pusat perkembangan agama Islam. Bermula dari sinilah terpancaranya cahaya Islam, pancaran ilmu, keharmonian insan dan ketinggian akhlak umat Islam di seluruh pelusuk dunia. Rasulullah s.a.w juga menjadikan masjid sebagai pusat ibadat, pusat pemerintahan dan pentadbiran negara, nadi gerakan Islam dan penggerak kegiatan masyarakat, tempat menuntut hak dan keadilan, markas tentera dan pertahanan serta pusat kebajikan, gedung ilmu, pusat hubungan manusia dengan Allah s.w.t dan manusia sesama manusia. Boleh dikatakan bahawa fungsi masjid ketika itu amat besar dan ketara sekali. Ia melambangkan paduan dalam urusan dunia dan akhirat. Kesempurnaan Islam sebagai “*al-Din*” telah berjaya digambarkan oleh Rasulullah s.a.w melalui peranan dan fungsi masjid ini. Dalam hal ini Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

“Tempat yang paling dibenci oleh Allah s.w.t di sesebuah negeri itu ialah pasarnya. Manakala tempat yang paling disukai oleh Allah s.w.t di sesebuah negeri itu ialah masjid-masjidnya”.

Bagaimakah pula keadaannya dengan fungsi masjid masa kini? Budaya yang menganggap masjid hanya sebagai tempat menunaikan

solat perlu dikikis dengan segera di mana seluruh masyarakat perlu ditanam dengan semangat baru bagi mencari erti sebenar pembinaan sesebuah masjid. Usaha-usaha perlu diambil bagi menarik masyarakat Islam terutamanya untuk mengunjungi masjid-masjid secara berterusan. Umat Islam juga perlu memahami bahawa masjid adalah rumah Allah yang suci yang mempunyai taraf dan kedudukan yang mulia di sisi Allah s.w.t. Selain daripada sebagai pusat ibadat, masjid juga berperanan sebagai tempat pemupukan akhlak yang paling sesuai kepada masyarakat terutama kepada yang tua sebagai contoh tauladan kepada golongan yang muda kerana mereka lah penyambung warisan generasi akan datang. Oleh itu pengurusan masjid yang lebih sempurna perlulah ditingkatkan kerana sejak akhir-akhir ini fenomena keruntuhan akhlak semakin serius terutama di kalangan umat Islam. Banyak pihak saling menuding jari antara satu sama lain untuk melepaskan tanggungjawab masing-masing. Sebagai sebuah institusi yang unggul dalam Islam pihak pengurusan masjid wajib memberi perhatian dan langkah yang sistematik agar berupaya menangani dan terus berusaha memupuk akhlak umat Islam agar dapat dicontohi oleh umat yang lain untuk kesejahteraan masyarakat, agama dan negara.

1.2 Pernyataan Masalah

Masyarakat Islam perlu sedar bahawa fakta mengenai masjid telah banyak terhakis oleh keghairahan nafsu manusia, termasuk umat Islam sendiri, sehingga menghilangkan sebahagian besar daripada maruah,